

# Bengkel Pembangunan KPI ke arah sistem penyampaian perkhidmatan terbaik pelajar universiti

UB 25.7.2019 B2

KOTA KINABALU: Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti (PPPH) dengan kerjasama Majlis Pengetua Kolej Kediaman (MaPEK) menganjurkan Bengkel Pembangunan KPI Pengurusan Kolej Kediaman Sesi 2019/2020 Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Bengkel ini dijalankan selama dua hari bertujuan pembentukan KPI yang komprehensif bagi sesi 2019/2020 di samping memberi pemahaman dengan lebih baik berkenaan dengan pengurusan pelajar di semua Kolej Kediaman UMS.

Menurut Pengarah PPPH UMS Talib Abdullah Shani, bengkel ini bertujuan menghasilkan sinergi baharu yang lebih strategik, dinamik dan inovatif bukan sahaja di antara PPPH dan MaPEK tetapi juga bersama-sama dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar sejajar dengan keperluan semasa pembangunan mahasiswa khususnya di peringkat Kolej Kediaman.



**SESI** bergambar peserta bengkel bersama-sama dengan Prof Dr Ismail.

Ia juga sebagai suatu komitmen mencanai segala fikiran untuk merencana program dan aktiviti strategik bagi menjayakan Pelan Strategik UMS 2018-2020 di dalam Bidang Keberhasilan Utama yang ke-8 iaitu Mempertingkatkan Pengalaman Holistik Pelajar Melalui Aktiviti Pelajar dan Hospitaliti di Kolej Kediaman.

Pembangunan KPI bagi sesi akademik 2019/2020 ini juga merupakan suatu manifestasi dan komitmen PPPH bersama pihak pengurusan Kolej Kediaman untuk melaksanakan Falsafah Penginapan Pelajar di Kolej Kediaman jaitu Kolej Kediaman adalah pusat lanjutan dan pelengkap kepada sistem pendidikan universiti. Timbalan Naib Canselor

HEPA UMS Prof Dr Ismail Ali di dalam ucapan perasmian program, menyatakan perancangan KPI PPPH dan Kolej Kediaman hendaklah sentiasa relevan dan sistematik sebagai suatu usaha bagi memastikan segala perancangan khususnya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajar dan semua pihak di peringkat universiti dapat direalisasi-

kan.

Penekanan kepada aspek 'Must Have' dan 'Good To Have' akan memastikan segalah keperluan dan kebijakan semua pihak khususnya kepada pelajar universiti dapat dijayakan.

Terdapat pelbagai pengisian yang telah dijalankan sepanjang program ini berlangsung antaranya termasuklah sesi pembentangan KPI oleh pengarah PPPH, pengetua Kolej Kediaman dan sesi perkongsian Pembangunan Aktiviti Pelajar bersama Ketua Jabatan HEP Kamisah Husin.

Program ini dijalankan di Hotelab, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS. Ia melibatkan penyertaan peserta daripada pengurusan Kolej Kediaman termasuklah pengetua, timbalan pengetua, felo, penolong pegawai tadbir serta kakitangan pengurusan PPPH dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar.